

Tinjauan: BN diragui, Pakatan gagal pikat Melayu
Malaysiakini.com
November 19 ,2011

Pakatan Rakyat dilihat negatif di mata orang Melayu Pulau Pinang tetapi dalam masa yang sama BN pula masih diragui di negeri itu, demikian tinjauan badan penyelidik bebas.

Selain imej "kerajaan Cina" yang membelenggu DAP, PKR dilihat parti pelbagai kaum yang tidak berideologi Melayu dan PAS pula tidak memberi kesan dan dianggap sebagai boneka.

Tinjauan kelolaan Ilham Centre juga mendapati, walaupun Umno dilihat pilihan terbaik untuk masa depan Melayu, namun dakwaan dominasi golongan India Muslim dikatakan menjadi penghalang sokongan pengundi.

Kesimpulan itu dibuat berdasarkan dapatan yang menunjukkan bahawa 25.3 peratus responden setuju DAP akan terus memerintah.

Sebaliknya, pengundi merasakan peluang BN merampas semula Pulau Pinang hanya sebanyak 18.6 peratus.

Kebanyakan pengundi, kira-kira 60 peratus memberi jawapan tidak pasti.

Antara dapatan menarik dalam tinjauan itu:

- * Faktor parti paling mempengaruhi pengundi (50 peratus).
- * Isu tempatan lebih mempengaruhi undi daripada isu nasional (26.7 peratus).
- * Isu PAS boneka merupakan isu nasional paling mempengaruhi pengundi (55 peratus).
- * Isu Melayu tertintis merupakan isu tempatan yang paling mempengaruhi pengundi (55 peratus).
- * Peka dan prihatin masalah rakyat merupakan ciri kepimpinan yang paling mempengaruhi undi (91.4 peratus).

Kajian pada awal Oktober itu dijalankan di tiga kubu kuat BN - Kepala Batas, Tasek Gelugor dan Bayan Lepas - melibatkan 720 pengundi Melayu terdiri daripada anggota BN dan atas pagar.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/181791>